



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	6/1/2013

The Economist iktiraf Malaysia

BH - 6/1/2013

» Negara terbaik
rapatkan dunia
Islam dengan
kapitalisme

Oleh Ahmad Farizal Hajat
dan Mohd Azrone Sarabatin
bhnews@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

Malaysia diiktiraf sebagai negara terbaik untuk menjadi penghubung antara dunia Islam dengan dunia kapitalisme, demikian menurut *The Economist*.

Majalah berpengaruh itu dalam artikelnya yang disiarkan semalam berkata, ia ber-

ikutan keupayaan negara ini dalam mengekalkan peranannya sebagai peneraju penerbitan sukuk atau bon Islam pada peringkat global.

"Bagaimanakah negara ini (Malaysia) melakar nama dalam pengkhususan ini?"

"(Jawapannya) Warisan Islam Malaysia, sifatnya yang berpandangan jauh dan hubungannya dengan hab kewangan lain seperti Britain dan Singapura menjadikannya tempat semula jadi menghubungkan dunia Islam dengan dunia kapitalisme," kata artikel itu.

Pusat kewangan Islam

Dalam laporannya bertajuk 'Berteraskan ummah: Malaysia terajui Kewangan Islam', majalah kewangan terkenal berpangkalan di James's Street Westminster, London

itu menyebut kedudukan Malaysia sebagai peneraju perkhidmatan kewangan konvensional tidak berapa menonjol.

Namun, ia berkata, dari segi lain, Malaysia berada dalam kedudukan utama sebagai pusat kewangan Islam terpenting di dunia.

"Berdasarkan aset, lebih satu perlima daripada sistem perbankan di negara ini (Malaysia) patuh syariah; (sementara) purata negara Islam lain (yang memiliki aset perbankan patuh syariah) pula adalah kira-kira 12 peratus dan (mereka) sering kali jauh (ketinggalan) berbanding Malaysia.

"Malaysia menguasai pasaran dunia bagi sukuk. Negara ini menerbitkan sukuk kerajaan pertama di dunia pada 2002; pada tiga suku pertama tahun lalu, ia bertanggungjawab bagi hampir tiga perempat daripada keseluruhan terbitan sukuk global," katanya.

Faktor kekal peneraju

Menurut *The Economist*, antara faktor menjadikan Malaysia terkenal dan kekal sebagai peneraju penerbitan sukuk global ialah memiliki Lembaga Per-

khidmatan Kewangan Islam (IFSB), iaitu badan mengawasi spesifikasi standard urus niaga kewangan Islam antarabangsa.

Majalah itu turut memetik kenyataan Iqbal Khan, iaitu tokoh perbankan Islam terkemuka India, yang kini berkhidmat sebagai Ketua Eksekutif di Fajr Capital Ltd, Dubai, sebagai berkata, ini adalah pencapaian terbesar bagi sebuah negara yang agak kecil dengan hanya 30 juta penduduk dan kira-kira 60 peratus daripadanya adalah beragama Islam.

"Negara jirannya, Indonesia, yang mempunyai jumlah penduduk Islam terbesar di dunia, hanya kira-kira empat peratus dari sektor kewangannya yang patuh syariah.

"Meskipun negara rantau Teluk dan Arab Saudi yang jauh lebih kaya mempunyai institusi perbankan Islam yang lebih besar, namun Malaysia (dilihat) adalah pusat 'peneraju pemikiran dalam kewangan Islam'," katanya.

Selain itu, *The Economist* berkata, Bank Negara Malaysia turut menjadi antara tunjang utama dalam menyokong kewangan Islam.